

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RMT 555 - Pengurusan Projek 4

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Konsep pengurusan projek masih lagi dalam proses evolusi. Pembangkang-pembangkang sistem ini menuduh bahawa ia memecahbelahkan tanggungjawab-tanggungjawab sedia ada dan gagal menjimatkan masa atau kos. Berikan jawapan dengan alasan-alasan tentang kritikan ini dan bagaimana-kah pengurusan projek dapat dimuatkan dalam kerangka kontrak serta fungsi sedia ada?

( 25 markah )

2. Anda telah dipinta menasihati seorang majikan iaitu seorang pemaju - yang biasa dengan borang-borang kontrak binaan tradisional - berhubung dengan syarat-syarat kontrak paling sesuai digunakan dalam binaan bangunan dan bagaimana hendak menghindari (avoid) jebak-jebak (pitfalls) yang terdapat di dalam borang-borang tradisional. Dengan berwaspada bahawa para kontraktor yang menghadapi syarat-syarat yang tidak lazim pada mereka akan meninggikan harga tawaran syarat-syarat tersebut agak luar biasa atau berat sebelah (onerous), sediakan satu laporan untuk majikan anda menjelaskan (dengan alasan-alasan) bidang-bidang utama yang anda fikirkan patut diberikan perhatian serta terangkan bagaimana dan kenapa cadangan-cadangan anda berbeza dari syarat-syarat sedia ada di dalam borang-borang standard yang diketahuinya.

( 25 markah )

... 2/-

3. Dalam bulan Julai 1990 "The English House Of Lords" berkeputusan di dalam kes Murphy lawan Brentwood District Council mengembalikan semula undang-undang kecuaian yang menghadkan remedi untuk melindungi pemilik-pemilik bangunan daripada akibat-akibat ekonomi disebabkan oleh rekabentuk dan binaan yang cacat. Andaikan tren terhad ini diikuti di Malaysia, pertimbangkan remedi-remedi lain yang mungkin atau boleh diwujudkan untuk melindungi para pemilik dan pemastautin (occupiers) dalam keadaan-keadaan tersebut.

( 25 markah )

4. Apakah sebab-sebab utama terjadinya kelewatan terhadap projek-projek binaan? Terangkan bagaimana kontrak standard di Malaysia dapat menyelesaikan masalah ini dengan membezakan secara jelas di antara sebab-sebab kejadian dalam kawalan majikan dan di luar kawalannya. Jelaskan bagaimana peruntukan-peruntukan kontrak yang relevan boleh dijadikan lebih berkesan lagi.

( 25 markah )

5. Di Malaysia belum lagi wujud terma-terma dan syarat-syarat standard untuk perlantikan seseorang pengurus projek. Anda diundang sebagai salah seorang ahli jawatan-kuasa penggubalan satu set syarat-syarat tersebut. Sediakan satu kertas kerja untuk pertimbangan jawatankuasa ini dengan mengemukakan bidang-bidang utama yang perlu diselesaikan dan berikan cadangan-cadangan untuk mengendalikan perlantikan ini.

( 25 markah )

6. Nyatakan secara terperinci serta berdasarkan alasan-alasan tentang tugas-tugas dan tanggungjawab seseorang Pengurus Projek terhadap

(a) klien projeknya dan

(b) pihak ketiga

Sandarkan hujah-hujah anda dengan merujuk kepada kes-kes yang telah diputuskan.

( 25 markah )

oooooooooooo